



JABATAN  
**PENERANGAN**  
MALAYSIA



# SIARAN MEDIA

## AMANAT PERDANA PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR GEMILANG

**PUTRAJAYA, 6 OGOS 2021** – YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri akan menyampaikan Amanat Perdana sempena Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada 7 Ogos 2021, pukul 10.30 pagi. Amanat perdana ini boleh disaksikan menerusi semua stesen penyiar dan juga menerusi *Facebook* Merdeka360, Jabatan Penerangan Malaysia dan RTM Klik.

Pada tahun ini, Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang akan dilaksanakan dengan konsep yang baharu iaitu Amanat Perdana oleh YAB Perdana Menteri secara maya. Ini adalah selaras dengan sambutan dalam suasana norma baharu. Pengisian bagi Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Segmen 1: Wawancara bersama YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia
- ii. Segmen 2: Ucapan YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu selaku pengajur bersama program ini mengikut cadangan lokasi asal di Terengganu
- iii. Segmen 3: Ekspresi Merdeka
- iv. Segmen 4: Amanat Perdana Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2021

Tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini kekal seperti tahun 2020 iaitu “Malaysia Prihatin” untuk menghargai keprihatinan, kesungguhan dan ketabahan kita semua serta keprihatinan kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19. Selain itu, sambutan pada tahun ini turut mempunyai sub tema iaitu ‘Demi Negara’.

Sempena Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang ini, turut dianjurkan pelbagai program kenegaraan untuk disertai oleh orang ramai. Maklumat lanjut, sila layari portal rasmi sambutan pada tahun ini iaitu Merdeka 360 di pautan [www.merdeka360.my](http://www.merdeka360.my).

Rakyat Malaysia disarankan agar menjadikan aktiviti pengibaran Jalur Gemilang ini sebagai budaya semangat merdeka sepanjang masa. Sambutan ini juga merupakan satu usaha murni memaparkan solidariti masyarakat Malaysia.

Tiada jemputan media secara fizikal diadakan pada kali ini. Perkongsian foto akan disediakan oleh pihak Jabatan Penerangan Malaysia kepada pihak Media. Teks ucapan pelancaran juga akan diberikan kepada semua media setelah sempurna Amanat Perdana Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang tersebut.

**JABATAN PENERANGAN MALAYSIA  
6 OGOS 2021**

###

Disediakan oleh	:	Jawatankuasa Media dan Publisiti Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2021 Aras 10, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat Jabatan Penerangan Malaysia Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya.
Telefon	:	03-8911 7372/7377/7366
Faks	:	03-8911 7525/7544
E-mel	:	jkmp.hkhm2021@gmail.com